



**PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT**  
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat  
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah  
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9  
**43650 BANDAR BARU BANGI**  
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Telefon : 03-8925 1992  
No. Faks : 03-8925 0092 (Bahagian Khidmat Pengurusan)  
03-8925 2136 (Bahagian Pembangunan)  
03-8927 5594 (Unit Pelupusan Tanah)  
03-8925 2708 (Unit Pembangunan Tanah)  
03-8925 2873 (Unit Hasil)  
03-8925 0115 (Unit Pendaftaran)  
03-8925 0235 (Unit Penguatkuasa)  
Email Aduan/Pertanyaan : [aduanpdthl@selangor.gov.my](mailto:aduanpdthl@selangor.gov.my)  
Laman Web : [www.selangor.gov.my/hululangat](http://www.selangor.gov.my/hululangat)



No. Ruj: PDHL.PF. 900-3/1/3 ( 7 )

Tarikh: 20 September 2023

**KENYATAAN TAWARAN KERJA UNDI  
PROJEK MARRIS FASA 2 DAN PROJEK MESRA RAKYAT (PMR) TAHUN 2023  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT**

Dimaklumkan bahawa Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat (PDTHL) akan melaksanakan perolehan kerja secara undian bagi Projek MARRIS Fasa 2 dan Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023 iaitu :

**Projek MARRIS Fasa 2 Tahun 2023 :**

- a) Kerja-kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Saujana Kg. Sg. Ramal Dalam, Mukim Kajang;
- b) Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Lrg. Wak Kimin, Lrg. Hj. Malik, Lrg. Abdul Rahman dan Sebahagian Jalan Pak Mali dan Sebahagian Jalan Sarjan Mat Kg. Bukit Dukung, Mukim Cheras;
- c) Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Kg. Sungai Kembung Hilir, Mukim Beranang;
- d) Kerja-Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Bunga Raya 4 Di Kampung Batu 3, Mukim Semenyih;
- e) Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Sebahagian Lorong Mawar, Lorong Mawar 2 dan Lorong Mawar 2/1 Di Kg. Pasir Baru, Mukim Semenyih;
- f) Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Kasawari, Jalan Pipit dan Lorong Pipit 1 Di Kg. Batu 10, Mukim Cheras;
- g) Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan LKg. Sungai Sop dan Jalan Sg. Sop 1 Kg. Batu 13, Mukim Hulu Langat; dan
- h) Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Desa 1, Desa 2, Desa 3, Desa 4 dan Sebahagian Jalan Sg. Makau Kg. Desa Sg. Makau, Mukim Hulu Langat.

"MUDAH, CEPAT DAN MESRA"



**Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023 :**


- a) **Kerja-kerja Mengecat Semula Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Rakan, Mukim Cheras.**

2. Pendaftaran kontraktor untuk menyertai proses undi ini akan dilaksanakan secara maya. Kontraktor **WAJIB** memuat turun borang persetujuan menyertai kerja undi yang telah diiklankan dan melengkapkan borang tersebut seterusnya menghantar maklumat dan dokumen-dokumen yang diperlukan secara *hardcopy* kepada urusetia pada **26 September 2023 (Selasa)** sehingga jam 12.00 tengahari. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut :

- a) **Nama syarikat;**
- b) **Alamat syarikat;**
- c) **Nama pemilik syarikat;**
- d) **Nombor telefon yang boleh dihubungi dan**
- e) **Kelas kontraktor.**

3. Urusetia PDTHL akan menyenaraikan kontraktor yang berjaya tapisan pendaftaran pada **27 September 2023 (Rabu) jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang** sebelum proses cabutan undi diadakan pada **27 September 2023 (Rabu) jam 2.30 petang**.

4. Carta Alir proses perolehan kerja secara undian adalah seperti berikut:



5. Berikut adalah tarikh-tarikh penting bagi proses perolehan tersebut:

NO.	PERKARA	TARIKH / MASA / CAPAIAN
1.	Tarikh mula <b>IKLAN</b> Kerja Undi: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Iklan Pemaklumkan Pelaksanaan Kerja Undi kepada semua Kontraktor G1 Daerah Hulu Langat yang berdaftar CIDB dan UPEN.</li> </ul>	<b>21 September 2023 - 25 September 2023</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tender Online Selangor 2.0: <a href="http://tender.selangor.my">tender.selangor.my</a></li> </ul>
2.	Tarikh <b>PENDAFTARAN DAN TARIKH TUTUP</b> penerimaan pendaftaran Dokumen Kontraktor <b>SECARA HARDCOPY.</b>	<b>Pada 26 September 2023 (Selasa) sehingga jam 12.00 tengahari sahaja</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dokumen yang lengkap perlu diserahkan secara <i>hardcopy</i> kepada pihak Urusetia di Aras 2, Bahagian Pembangunan (Unit Fizikal).</li> </ul>
3.	Paparan Kontraktor Layak Menyertai Kerja Undi.	<b>27 September 2023 (Rabu) jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Portal Rasmi Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat: <a href="http://www.selangor.gov.my/hululangat">www.selangor.gov.my/hululangat</a></li> <li>• Facebook Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat</li> </ul>
4.	Proses Undi Secara Maya	<b>27 September 2023 (Rabu) jam 2.30 petang</b>
5.	Pemakluman Keputusan Undi	<b>27 September 2023 (Rabu) jam 5.00 petang</b>

6. Syarat-syarat kelayakan kontraktor yang ingin menyertai proses kerja undi ini adalah seperti berikut:

- a) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G1** dengan kod bidang **CE01** bagi **Projek MARRIS Fasa 2** dan **CE21** Bagi **Projek Mesra Rakyat (PMR) Daerah Hulu Langat**;
- b) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- c) Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN);

- d) Sila pastikan tempoh sah laku Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) **DAN** Sijil Taraf Bumiputera (STB) masih berkuatkuasa pada bulan **Disember 2023**;
- e) **Tidak mempunyai kerja dalam tangan** bagi projek di bawah **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat setakat 21 September 2023**;
- f) Kontraktor tidak pernah dikenakan EOT / LAD di bawah Projek Pejabat / Daerah Tanah Hulu Langat tahun 2023;
- g) Kontraktor yang beralamat/berdaftar di **Daerah Hulu Langat** sahaja; dan
- h) Hanya nama **PEMILIK** Syarikat berdaftar sahaja yang lain mendaftar penyertaan Kerja Undian. Wakil adalah tidak akan dilayan sekali gus tidak layak menyertai Kerja Undi.

7. Adalah diingatkan bahawa hanya **PEMILIK SYARIKAT YANG SAH** sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian di dalam proses pendaftaran tersebut. Mana-mana kontraktor yang telah menghantar dokumen secara hardcopy bermula 26 September 2023 adalah **BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH TIDAK BENAR, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH DENGAN INI BERSETUJU BAHAWA SYARIKATNYA TIDAK LAYAK UNTU DISENARAIKAN DAN TIDAK LAYAK MENDAPAT SEBARANG KERJA DALAM PROSES UNDI INI. KEPUTUSAN AKHIR KELAYAKAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR ADALAH PADA PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT.**

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(YUHANAS AUREE BIN KAMARUDDIN)**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)  
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Langat  
b.p: Pegawai Daerah Hulu Langat

Kerja Undi Projek MARRIS Fasa 2 Tahun 2023

**BORANG SETUJU MENYERTAI KERJA UNDI**

**KERJA UNDI PROJEK MARRIS FASA 2 TAHUN 2023  
PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT**

Saya,..... nombor kad pengenalan .....  
(Nama Pemilik Syarikat)  
yang mewakili .....nombor pendaftaran  
(Nama Syarikat)  
..... dengan ini bersetuju untuk menyertai kerja undi  
(SSM/CIDB/MOF)  
tersebut secara maya mengikut tatacara dan syarat-syarat yang ditetapkan pada tarikh  
dan masa seperti di bawah:

**Tarikh : 27 September 2023 (Rabu)**  
**Masa Cabutan : 2.30 petang**  
**Tempat : Aras 1, Bilik Anggerik, PDTHL**  
**(Secara Maya)**

2. Bersama-sama ini dikemukakan **Salinan Dokumen Asal** yang telah dilengkapkan untuk tujuan pengesahan dan pendaftaran seperti berikut:

- a) Borang Setuju Menyertai Kerja Undi;
- b) Kad Pengenalan Pemilik;
- c) Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB);
- d) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- e) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
- f) Sijil Taraf Bumiputera (STB); dan
- g) Sijil Pendaftaran Unit Perancang Ekonomi Negara Selangor (UPEN)

Yang benar,

.....  
(Tandatangan)

Nama:  
No. KP:  
No. Telefon:  
Cop Syarikat:

Catatan:

- i) Hanya penama di dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh memohon atau berdaftar dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan di dalam sijil melalui pengisytiharan atau pengesahan pemohon.
- ii) Sebarang keputusan Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat adalah muktamad. Sebarang bantahan yang tidak berasas proses kerja undi dijalankan tidak akan dilayan.

Kerja Undi Projek Mesra Rakyat (PMR) Tahun 2023

**BORANG SETUJU MENYERTAI KERJA UNDI**

**KERJA UNDI PROJEK MESRA RAKYAT (PMR) TAHUN 2023  
PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT**

Saya, ..... nombor kad pengenalan .....  
(Nama Pemilik Syarikat)

yang mewakili ..... nombor pendaftaran  
(Nama Syarikat)

..... dengan ini bersetuju untuk menyertai kerja undi  
(SSM/CIDB/MOF)

tersebut secara maya mengikut tatacara dan syarat-syarat yang ditetapkan pada tarikh dan masa seperti di bawah:

**Tarikh : 27 September 2023 (Rabu)**  
**Masa Cabutan : 2.30 petang**  
**Tempat : Aras 1, Bilik Anggerik, PDTHL  
(Secara Maya)**

2. Bersama-sama ini dikemukakan **Salinan Dokumen Asal** yang telah dilengkapkan untuk tujuan pengesahan dan pendaftaran seperti berikut:

- h) Borang Setuju Menyertai Kerja Undi;
- i) Kad Pengenalan Pemilik;
- j) Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB);
- k) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- l) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
- m) Sijil Taraf Bumiputera (STB); dan
- n) Sijil Pendaftaran Unit Perancang Ekonomi Negara Selangor (UPEN)

Yang benar,

.....  
(Tandatangan)

Nama:

No. KP:

No. Telefon:

Cop Syarikat:

Catatan:

- iii) Hanya penama di dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh memohon atau berdaftar dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan di dalam sijil melalui pengisytiharan atau pengesahan pemohon.
- iv) Sebarang keputusan Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat adalah muktamad. Sebarang bantahan yang tidak berasas proses kerja undi dijalankan tidak akan dilayan.